



NORANIZA SAMAT menunjukkan perisian *ARKids* yang dihasilkan untuk pelajar prasekolah ketika ditemui di Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

UTUSAN (DALAM NEGERI) 25/12/2015 m/s 22
ARKids tarik minat prasekolah

KUANTAN 24 Dis. - Usaha menarik minat kanak-kanak prasekolah menerokai ilmu sains kini hanya di hujung jari apabila penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghasilkan penyelidikan berkaitan teknologi realiti tambahan (AR) untuk diaplikasikan dalam pembelajaran tersebut.

Dikenali dengan nama Realiti Tambahan Untuk Kanak-Kanak (*ARKids*), aplikasi pintar berkenaan dibangunkan oleh Pensyarah Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian UMP, Noraniza Samat yang boleh dipasang dalam telefon pintar menerusi perisian muat turun di Google Playstore.

Pengguna boleh menggunakan aplikasi yang mengaktifkan fungsi kamera dalam telefon pintar dengan mengimbas penanda AR di dalam buku khas bagi *ARKids* yang dijangka mula dipasarkan awal tahun depan.

Anggaran kos bagi penghasilan buku rujukan khas bagi *ARKids* itu dalam lingkungan RM50 ke bawah yang mana setelah digunakan, maklumat berbentuk animasi tiga dimensi (3D), audio dan video dipaparkan melalui telefon pintar serta animasi 3D itu akan menarik minat kanak-kanak seterusnya proses pembelajaran menjadi lebih mudah difahami.

Hasil kajian itu berjaya memenangi pingat emas dan anugerah khas dalam pameran dalam dan luar negara antaranya Ekspo Ino-

vasi Dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2015, pameran penyelidikan British Invention Show (BIS) 2015 dan Pameran Penyelidikan UMP pada tahun ini.

Mengulas lanjut, Noraniza berkata, *ARKids* merupakan buku rujukan pembelajaran bagi kanak-kanak prasekolah untuk topik Sains asas.

Katanya, idea untuk menjalankan penyelidikan mengenai aplikasi berkenaan tercetus apabila melihat keupayaan AR dalam memberi nilai tambah kepada maklumat sedia ada.

"*ARKids* membolehkan maklumat secara maya disampaikan bersama-sama bahan bercetak. Aplikasi ini amat berkesan jika diaplikasikan dalam bidang pendidikan khususnya prasekolah bagi menarik minat kanak-kanak memahami dan mendalami pelajaran mereka," katanya di sini, baru-baru ini.

Menurut Noraniza, *ARKids* dapat memaparkan maklumat tambahan dalam bentuk digital kepada kandungan pembelajaran sedia ada menerusi penggunaan telefon pintar yang menjadi trend masa kini.

Katanya, aplikasi berkenaan yang dihasilkan mulai 2013 itu telah menjalinkan usaha sama dengan Tadika Perpaduan Taman Mahkota Aman di sini yang menggunakan aplikasi tersebut sebagai bahan pembelajaran topik sains prasekolah.